



Jabatan Landskap Negara


Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KERTAS KONSEP
PERMOHONAN PERUNTUKAN
PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP
PIHAK BERKUASA TEMPATAN

OBJEKTIF BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP

Memastikan projek-projek landskap anjuran Jabatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menepati fungsi dan tujuan pembangunan serta selamat dan selesa digunakan oleh pengguna dengan pelaksanaan program penyelenggaraan melalui pengagihan waran Program Penyelenggaraan Landskap kepada PBT.

ORGANISASI BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP



PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

LATAR BELAKANG

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Pengurusan Landskap akan mengenalpasti, menilai dan menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyelenggara projek-projek taman awam dan pembangunan landskap yang telah dibangunkan.

MAKSUD PENYELENGGARAAN

Melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan dan binaan landskap dengan memastikan landskap lembut iaitu pokok-pokok dan tanaman yang ditanam berada dalam keadaan subur, selamat dan sihat serta bebas penyakit dan serangga perosak.

Manakala bagi landskap kejur pula, memastikan binaan struktur dalam keadaan stabil, boleh digunakan, tidak berlaku kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya dan mengancam keselamatan pengguna taman.

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

KATEGORI PENYELENGGARAAN

- **LANDSKAP LEMBUT**

Meliputi pokok teduhan, pokok warisan serta kawasan berumput. Ia juga termasuk kerja-kerja pemangkasan, pemotongan, penyulaman dan penggantian semula.

- **LANDSKAP KEJUR**

Meliputi semua jenis bahan binaan *outdoor hardscape* seperti set integrasi taman permainan kanak-kanak, set senam riang, *water features*, wakaf, bangku, pergola, siarkaki, dataran dan sebagainya. Skop kerja merangkumi kerja-kerja pembersihan, pembaikpulihan, mengecat semula, pembinaan semula struktur kecil dan penggantian semula.

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

1. Projek-projek taman awam baru yang dibangunkan menggunakan peruntukan Jabatan Landskap Negara.
2. Projek-projek naiktaraf taman yang dibangunkan menggunakan peruntukan Jabatan Landskap Negara.
3. Projek-projek pembangunan landskap atau projek penghijauan yang dibangunkan menggunakan peruntukan Jabatan Landskap Negara.
4. Projek-projek taman awam baru, projek naik taraf dan projek pembangunan landskap yang dibangunkan oleh kerajaan negeri atau PBT.

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

SYARAT LAYAK MEMOHON

1. Projek tersebut telah siap dibina
2. Projek tersebut telah tamat tempoh tanggungan kecacatan dan telah tamat tempoh penyelenggaraan oleh pihak kontraktor yang membina
3. Projek tersebut telah diserahkan kepada PBT untuk penyelenggaraan seterusnya

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

JENIS KERJA PENYELENGGARAAN

1. PENYULAMAN DAN PENYULAMAN POKOK YANG MATI

- Perlu dinyatakan bilangan pokok yang ditanam, bilangan pokok yang mati dan sebab-sebab pokok mati
- Langkah-langkah yang telah diambil oleh PBT untuk mengatasi masalah kematian dari berulang
- Permohonan ini hanya untuk pokok teduhan tidak termasuk palma

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

JENIS KERJA PENYELENGGARAAN (samb)

2. PEMANGKASAN POKOK TEDUHAN

- Perlu dinyatakan jenis pokok serta justifikasi pemangkasan seperti masalah keselamatan, bilangan dahan yang akan dipangkas dan kos pemangkasan yang dimohon
- Permohonan untuk melakukan kerja-kerja pemangkasan secara topping tidak akan dipertimbangkan
- Setiap permohonan perlu disertakan dengan gambar-gambar sebagai bukti
- PBT digalakkan untuk melantik pakar Arborist bagi kerja-kerja pemangkasan pokok warisan dan yuran Arborist ditanggung oleh PBT

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

JENIS KERJA PENYELENGGARAAN (samb)

3. PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR

- Meliputi perbaikan kerosakan, penggantian bagi komponen yang rosak atau hilang serta kerja-kerja mengecat semula semua jenis struktur landskap kejur yang sediada di taman atau kawasan
- contoh struktur landskap kejur: wakaf, pergola, siar kaki, menara pandang, jambatan, board walk, lampu taman, bangku taman dan sebagainya

4. PENYELENGGARAAN PERALATAN PERMAINAN DAN LITAR CERGAS

- Meliputi kerja-kerja perbaikan kerosakan, penggantian bagi yang rosak atau hilang serta kerja-kerja mengecat semula semua jenis peralatan permainan dan litar cergas yang sediada terdapat di dalam taman atau kawasan

AGIHAN PERUNTUKAN PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP

1. Makluman kepada SUK/LGCD(Sarawak)/KKTP(Sabah)/PBT pada bulan Oktober mengenai agihan peruntukan penyelenggaraan landskap
2. Terima permohonan daripada PBT (November) yang mengandungi maklumat berikut:
 - Borang Inventori A
 - Borang Inventori B
 - Borang Inventori C
 - Borang Inventori D
 - Senarai kuantiti dan Spesifikasi Kerja
 - Gambar berwarna keadaan semasa tapak, gambar perlu jelas menunjukkan keadaan semasa item yang dipohon
3. Rekod penerimaan permohonan dalam komputer

AGIHAN PERUNTUKAN

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)

4. Semak kesempurnaan dokumen untuk tujuan penilaian menggunakan Borang Semak (M/JLN1)
5. Jika permohonan tidak mencukupi syarat
Maklumkan kepada PBT yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Maklumat perlu dikemukakan oleh PBT dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh surat yang dikemukakan oleh Jabatan
6. Permohonan yang lengkap:
Lawatan tapak dibuat bagi memastikan kewajaran dan penilaian ke atas permohonan yang dikemukakan

AGIHAN PERUNTUKAN

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)

7. Menilai permohonan menggunakan Borang Permohonan Peruntukan (M/JLN 2) serta dapatkan perakuan dan kelulusan peringkat Jabatan
8. Hantar senarai projek ke Bahagian Penilaian, JLN bagi tujuan permohonan pengeluaran waran dan kelulusan peringkat Kementerian
9. Terima keputusan kelulusan serta salinan waran daripada KPKT
10. Maklumkan kepada SUK/LGCD – Sarawak/KKTP – Sabah/PBT mengenai penerimaan waran peruntukan (sertakan Borang E dan F)
11. PBT sediakan dokumen sebut harga

AGIHAN PERUNTUKAN

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)

12. PBT merancang kerja (isi Borang E) dan kemukakan kepada Jabatan
13. PBT menyediakan iklan sebutharga untuk dipamerkan di PBT dan salinan iklan dikemukakan kepada Jabatan
14. PBT mengadakan lawatan tapak bersama kontraktor
15. PBT menjual dokumen sebutharga
16. PBT membuat pemilihan kontraktor (isi Borang F)
17. Kontraktor menjalankan kerja-kerja di tapak, dipantau oleh PBT
18. Lawatan pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan di tapak oleh JLN bersama PBT dan kontraktor

AGIHAN PERUNTUKAN

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)

19. Kontraktor Siap Kerja, Laporan Bergambar Siap Kerja (warna) dikemukakan kepada Jabatan dalam bentuk CD dan Laporan

20. Terima laporan kemajuan daripada PBT


21. PBT membuat permohonan bayaran

22. Kemaskini laporan kemajuan fizikal dan kewangan

23. Kemaskini SPP II


PBT perlu melaporkan status Projek Penyelenggaraan Landskap (Borang F) selepas menerima waran pada setiap 5hb kepada Jabatan bagi tujuan laporan bulanan kepada KPKT

CARTA ALIR AKTIVITI PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP




CARTA ALIR AKTIVITI

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)



CARTA ALIR AKTIVITI

PROGRAM PENYELENGGARAAN LANDSKAP (samb)



**BORANG INVENTORI
YANG PERLU DIISI OLEH SETIAP PBT YANG MEMOHON
PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

**BORANG INVENTORI PENYELENGGARAAN LANDSKAP
BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA
TAHUN 2015**

PERINCIAN PEMOHON

NAMA PBT : NO.TEL: NO.FAKS:
 NAMA ARKITEK LANDSKAP : NO.H/P:
 NAMA PEGAWAI PENYELIA : NO.H/P:

PERINCIAN PERMOHONAN

NAMA PROJEK :
 TAHUN SIAP PEMBINAAN :
 KOS KESELURUHAN PEMBINAAN :
 DANA PEMBINAAN OLEH (GARISKAN) : JLN / NEGERI / PBT/ LAIN (NYATAKAN):

PERINCIAN INVENTORI LANDSKAP KEJUR (JUMLAH SEDIADA DI TAPAK)						
<i>WALKWAY</i> (m2)	<i>GAZEBO</i> (NOS.)	PLAZA (M2)	<i>LITTER BINS</i> (NOS.)	PERGOLA (NOS.)	<i>C/PLAY</i> <i>EQUIPMENT</i> (NOS.)	<i>PICNIC TABLE</i> (NOS.)
<i>KIOSKS</i> (NOS.)	<i>ARCHWAY</i> (NOS.)	<i>SUBSOIL</i> <i>DRAINAGE</i> (mr)	<i>DECKS</i> (m2)	<i>LIGHTINGS</i> (NOS.)	<i>PERIMETER</i> <i>FENCING/RAILING</i> (mr)	<i>BOLLARD</i> (NOS.)
<i>BRIDGES</i> (NOS.)	<i>BENCHES</i> (NOS.)	<i>PARKING AREA</i> (m2)	<i>CAMPING</i> <i>AREA</i> (NOS.)	<i>IRRIGATION</i> (mr)	<i>WATER</i> <i>ELEMENTS</i> (NOS.)	LAIN-LAIN

**BORANG INVENTORI PENYELENGGARAAN LANDSKAP
BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA
TAHUN 2015**

**NAMA PROJEK :
PERINCIAN PERMOHONAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT UNTUK TUJUAN PENGGANTIAN / PENYULAMAN**

POKOK / PALMA / RENEK DLL YANG BERMASALAH				CADANGAN PENGGANTIAN POKOK / PALMA / RENEK DLL			
BIL	NAMA SAINTIK	NOS.	JUSTIFIKASI	NAMA SAINTIK	NOS.	JUSTIFIKASI PEMILIHAN	LANGKAH MENGATASI MASALAH

**BORANG INVENTORI PENYELENGGARAAN LANDSKAP
BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA
TAHUN 2015**

**NAMA PROJEK :
PERINCIAN PERMOHONAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT UNTUK TUJUAN PEMANGKASAN**

BIL	NAMA SAINTIFIK	JUMLAH POKOK CADANGAN PEMANGKASAN	PURATA KETINGGIAN DAHAN TERAKHIR DI POTONG (M)	PURATA BILANGAN DAHAN DI POTONG SETIAP POKOK	HARGA PEMANGKASAN POKOK (RM)	JUSTIFIKASI KEPERLUAN PEMANGKASAN

PROGRAM KERJA UNTUK PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI PBT TAHUN 2015

Bil	Perkara	Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
1	Pengeluaran Waran													
2	Penyediaan dokumen sebutharga													
3	Iklan sebutharga													
4	Lawatan tapak													
5	Jual sebutharga													
6	Tutup sebutharga													
7	Pemilihan kontraktor													
8	Mula kerja													
9	Siap kerja													
10	Mohon bayaran													

- Sila masukkan tarikh bagi setiap aktiviti di atas

Nama Projek :

No. waran :

Tarikh waran :

Jumlah waran :

Disediakan oleh :

:

Mohon dikembalikan borang ini di talian faks: 03-40452415

Untuk perhatian: PENGARAH, BAHAGIAN PENGURUSAN LANDSKAP

**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN DAN PERBELANJAAN
 PROJEK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP TAHUN 2015
 JABATAN LANDSKAP NEGARA
 BULAN :**

Nama Projek & Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM), No. Waran & Tarikh Waran	Nama Kontraktor dan Alamat	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tarikh Siap Sebenar	Peratus Siap Kerja		Belanja (RM)	Catatan
						Jangkaan	Sebenar		

PBT perlu melaporkan perkembangan Projek Penyelenggaraan Landskap selepas menerima waran pada setiap 5hb setiap bulan kepada Jabatan bagi tujuan laporan bulanan kepada KPKT

**CONTOH BQ
ATAU BORANG SPESIFIKASI
YANG PERLU DIHANTAR
SETIAP PBT YANG MEMOHON PERUNTUKAN
PENYELENGGARAAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

**MAJLIS PERBANDARAN XYZ
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TAMAN POKET DESA AMAN
DI JALAN ABC, BANDAR PQR.**

NO. SEBUTHARGA: MPXYZ / 27 / 5 / 2007

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
A	KERJA-KERJA PEMBEKALAN LANDSKAP KEJUR				
1.0	KERJA-KERJA AWALAN	Lum Sum	Lum Sum	400.00	400.00
	1.1. Sejumlah wang bagi penyediaan polisi insuran "ALL RISK" (hanya yang berdaftar dengan MPXYZ sahaja)	Lum Sum	Lum Sum	200.00	200.00
	1.2. Gambar kemajuan kerja sebelum, semasa dan selepas.	Lum Sum	Lum Sum	350.00	350.00
	1.3. Papan tanda amaran / pemberitahuan / keselamatan	Lum Sum	Lum Sum	1,500.00	1,500.00
2.0	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN Kerja-kerja pembersihan kawasan di mana benda-benda yang tidak diperlukan, semak samun, sampah sarap, pokok-pokok, sisa binaan serta membersihkan rumput di laluan pejalan kaki mengikut sebagaimana arahan Pegawai Penguasa.				
3.0	KERJA-KEJA MEMBAIKPULIH PERALATAN PERMAINAN BERSEPADU Kerja-kerja membaikpulih peralatan permainan kanak-kanak bersepadu dari jenis yang diluluskan oleh SIRIM dan berkualiti diiktiraf Malaysian Standard "MS" iaitu:	Unit	1	3,000.00	3,000.00
	3.1 Short Wave slide	Unit	2	2,900.00	5,800.00
	3.2 Arcylic Bubble Panel	Unit	2	2,000.00	4,000.00
	3.3 Expose Stair				
4.0	ALAS GETAH DI KAWASAN PERMAINAN BERSEPADAU DAN ALATAN SENAMAN Kerja-kerja membuka semula rubber matt lama yang telah berlumut dan rosak dengan menggantikan dengan yang baru dengan Rubber matt 25 mm "cast in situ" diatas satu lapisan konkrit setebal 75 mm dengan BRC 610 pada kawasan peralatan permainan bersepadu (landing area) dan kawasan alatan senaman sebagaimana yang di arahkan oleh Pegawai Penguasa	M2	200	140.00	28,000.00
5.0	MENCUCI DAN MEMBERSIHKAN SET PERMAINAN KANAK-KANAK BERSEPADAU DAN ALATAN ALATAN SENAMAN Kerja-kerja mencuci dan membersihkan lumut yang terdapat di set permainan dan alatan senaman sediada dengan menggunakan "chemical Bio Cleaner" atau "Echo Cleaner" sehingga bersih sebagaimana arahan oleh Pegawai Penguasa	Lum Sum	Lum Sum	2,500.00	2,500.00
	JUMLAH DI BAWA KE MUKA SEBELAH				45,750.00

**MAJLIS PERBANDARAN XYZ
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TAMAN POKET DESA AMAN
DI JALAN ABC, BANDAR PQR.**

NO. SEBUTHARGA: MPXYZ / 27 / 5 / 2007

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
	JUMLAH DI BAWA DARI MUKA HADAPAN				45,750.00
6.0	BANGKU TAMAN Kerja-kerja membaiki bangku konkrit "washed pebbles" sediaada yang telah retak dan pecah serta mencuci dan membersihkan bangku taman yang telah diconteng kesan vandalisma dengan menggunakan asid sehingga bersih sebagaimana arahan Pegawai Penguasa.	nos	15	20.00	300.00
7.0	WAKAF Kerja-kerja membaikpulihan wakaf sediaada yang telah rosak dengan menggantikan bumbung asal dari jenis "polycarbonet sheet" , mencuci kemasan bangku di dalam wakaf dari jenis "pebble washed" dengan menggunakan asid serta mengecat atau spray semula bumbung yang telah diconteng dengan menggunakan media seperti warna asal. di kemaskan dengan "weather bond" dan "UV filter" sebagaimana yang di arahkan oleh Pegawai Penguasa	nos	5	3,500.00	17,500.00
8.0	DECKS Kerja-kerja membaiki semula decks dengan membuka semula susunan kayu-kayu lantai yang telah haus, reput dan terdapat kesan takikkan akibat vandalisma dan menggantikan kayu-kayu tersebut dengan kayu dari jenis chengal gred A dan melalkukan rawatan perkayuan terhadap kayu-kayu tersebut serta di kemaskan dengan "weather bond" dan "UV filter" sebagaimana yang di arahkan oleh Pegawai Penguasa	MRun		10,000.00	10,000.00
9.0	SISTEM SUBSOIL DRAINAGE Kerja-kerja membaiki semula dan memasang Corrugated Perforated Pipe berukuran 155 mm (6") diameter yang telah rosak dan tersumbat yang perlu disambung pada drywell untuk membolehkan air yang diserap oleh drywell dibuang keluar ke dalam longkang yang berdekatan. Kerja-kerja ini perlu mendapat kelulusan Pegawai Penguasa semasa di tapak	MRun	45 m	90.00	4,050.00
	JUMLAH DI BAWA KE MUKA SEBELAH				77,600.00

**MAJLIS PERBANDARAN XYZ
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TAMAN POKET DESA AMAN
DI JALAN ABC, BANDAR PQR.**

NO. SEBUTHARGA: MPXYZ / 27 / 5 / 2007

BIL	KETERANGAN KERJA	DIA.	T.H	O.H	UNIT	KADAR (RM)	KUANTITI	AMAUN (RM)
B	KERJA-KERJA PEMBEKALAN LANDSKAP LEMBUT							
1.0	<p>PEMBEKALAN BAHAN-BAHAN TANAMAN</p> <p>Menyediakan buruh, peralatan dan pengangkutan dan bahan bagi membekal, menghantar, menanam pokok-pokok yang dinyatakan di bawah bagi kerja-kerja penggantian dan penyulaman semula serta menyelenggara selama 6 bulan bahan tanaman tersebut seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa di Tapak. Semua pokok dan rumput perlulah dalam keadaan sihat, bebas penyakit dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh S.O.</p> <p>POKOK UTAMA</p> <p>i. Khaya Grandiflora</p> <p>POKOK PALMA</p> <p>i. Foxtail Palm</p> <p>POKOK SHRUBS</p> <p>i. Ixora javanica</p> <p>NOTA :</p> <p>Kos bahan-bahan tanaman adalah termasuk kos 6 bulan penyelenggaraan.</p>	100 mm	1.5 C.T	2.0	No.	85.00	31	2,635.00
			1.8	2.0	No.	250.00	42	10,500.00
				1.2	No.	15.00	500	7,500.00
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN								20,635.00

**MAJLIS PERBANDARAN XYZ
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TAMAN POKET DESA AMAN
DI JALAN ABC, BANDAR PQR.**

NO. SEBUTHARGA: MPXYZ / 27 / 5 / 2007

BIL	PERKARA/BAHAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
2.0	KERJA-KERJA PENYEDIAAN LUBANG PENANAMAN Menyediakan bahan-bahan, peralatan, buruh dan lain-lain keperluan untuk menggali lubang penanaman dan menanam pokok-pokok seperti dispesifikasikan dan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Semua kandungan tanah lubang yang digali hendaklah dibuang ke tapak pelupusan. Lubang yang digali hendaklah diisikan tanah campuran yang sempurna terdiri daripada tanah atas (top soil) yang gembur serta berbaja dan pasir sungai yang bertapis berserta bahan organik pada nisbah 3:2:1. Campuran baja kimia asas sebanyak 50 gm. iaitu TSP (Triple Super Phosphate) bagi setiap lubang. Kerja-kerja sungkupan sabut kelapa yang kasar serta berbukit kecil (saucer) di sekeliling pangkal pokok perlu dilakukan mengikut arahan Pegawai Penguasa.				
	A. Pokok Utama (saiz lubang 1m x 1m x 1m)	Per Pokok	31	50.00	1,550.00
	B. Pokok Palma (saiz lubang 1m x 1m x 1m)	Per Pokok	42	50.00	2,100.00
	C. Pokok shrubs (saiz lubang 0.75m x 0.75m x 0.75m)	Per pokok	500	10.00	5,000.00
3.0	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG 'ROOT-BARRIER' Membekal dan memasang 'root-barrier' pada setiap pokok utama dan palma. Pemasangan 'root-barrier' di sekeliling pokok utama dan palma dengan diameter 1m berpusatkan batang pokok. Kerja-kerja pemasangan perlu dilakukan mengikut arahan Pegawai Penguasa.				
	A. Pokok Utama	Per Pokok	31	20.00	620.00
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN					9,270.00

**MAJLIS PERBANDARAN XYZ
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TAMAN POKET DESA AMAN
DI JALAN ABC, BANDAR PQR.**

NO. SEBUTHARGA: MPXYZ / 27 / 5 / 2007

BIL	PERKARA/BAHAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
4.0	KERJA-KERJA PEMANCANGAN Menyediakan bahan-bahan ,keperluan , buruh dan peralatan bagi menjalankan kerja-kerja memasang kayu pancang. Kayu pancang hendaklah dicat warna hijau serta mendapat kelulusan daripada Pengawai Penguasa.				
A	Pokok Utama (1 unit kayu pemancang 2500mm x 50mm x 50mm)	Per Pokok	31	10.00	310.00
B	Pokok Palma (3 unit kayu pemancang 2500mm x 50mm x 50mm)	Per Pokok	42	30.00	1,260.00
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN					1,570.00

'RINGKASAN AKHIR SEBUTHARGA'

DARI BAHAGIAN	BUTIRAN/PERKARA	AMAUN (RM)
	KEHENDAK PERMULAAN SYARAT-SYARAT AM (PRELIMINARIES) DAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK	2,450.00
	KERJA-KERJA LANDSKAP KEJUR (HARDSCAPE)	75,150.00
	KERJA-KERJA LANDSKAP LEMBUT (SOFTSCAPE)	31,475.00
JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA		109,075.00

(Jumlah: Ringgit :SERATUS SEMBILAN RIBU DAN TUJUH PULUH LIMA RINGGIT SAHAJA)

Nama Penuh:

Atas Sifat:

.....
(Meteri dan Cop Kontraktor)

Saksi:

Nama Penuh:

No. K/P:

Pekerjaan:

Alamat:

.....

.....

.....